

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Dalam Norma Baharu: Pemimpin Pertengahan Dalam Mengupayakan Pelaksanaan PBD Berasaskan Teknologi

Classroom Assessment (PBD) In A New Norm: Middle Leaders in Enhancing PBD Based on Technology Implementation

Mohd Amir Shaukhi Hj Ahmad¹, Kalai Selvan Arumugham², Azhan Anuar³

¹ School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia;

² Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Malaysia;

³ Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Malaysia;

Progres artikel

Diterima: 31 Oktober 2021

Disemak: 17 Januari 2022

Diterbitkan: 31 Mei 2022

*Perhubungan pengarang:
Kalai Selvan Arumugham,
Institut Aminuddin Baki
Cawangan Utara, Malaysia;
Email: kalai@iab.edu.my

Abstrak: Pengenalan PBD adalah bertujuan untuk memastikan perkembangan pembelajaran seseorang pelajar dapat diukur secara berterusan. Walau bagaimanapun, sejak pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPr) diperkenalkan, guru menghadapi masalah untuk melaksanakan PBD dengan berkesan. Kajian ini dijalankan untuk meneroka dan memahami cara pemimpin pertengahan memainkan peranan sebagai seorang pemimpin instruksional dan seterusnya membangunkan guru-guru di sekolah untuk memastikan guru-guru dapat melaksanakan PBD dengan berkesan dengan penggunaan teknologi. Seramai lapan orang Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) telah dipilih untuk menjadi peserta kajian ini. Data telah dikumpulkan dengan menggunakan temu bual separa struktur dan analisis dokumen. Data telah dianalisis berdasarkan tema-tema yang telah dikenalpasti. Melalui kajian ini didapati GKMP telah menjalankan pemantauan dan pencerapan bilik darjah sepanjang tempoh PdP. Data pencerapan mendapati guru-guru melaksanakan PBD sepanjang PdPr namun pelaksanaannya kurang bersifat pengintegrasian. Oleh itu, GKMP telah menjalankan program-program pembangunan kapasiti guru yang membantu guru mengintegrasikan PBD ke dalam PdPr dengan menggunakan teknologi. GKMP haruslah mempunyai pendedahan dalam teknologi untuk membantu guru menggunakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Dicadangkan kajian lanjut dijalankan untuk melihat cara guru-guru yang mendapat pendedahan tentang teknologi ini melaksanakan PBD secara alam maya.

Kata Kunci: Pemimpin pertengahan, pentaksiran bilik darjah, teknologi

Abstract: The introduction of PBD is intended to ensure that a student's learning development can be measured continuously. However, since the introduction of home teaching and learning (PdPr), teachers have faced problems to implement PBD effectively. This study was conducted to explore and understand how middle leaders play a role as an instructional leader and further develop teachers in schools to ensure that teachers can implement PBD effectively with the use of technology. A total of eight Senior Subject Teachers (GKMP) were selected to be participants in this study. Data were collected using semi-structured interviews and document analysis. Data were analyzed based on the themes that had been identified. Through this study, it is found that GKMP has conducted classroom monitoring and observation during the PdPr period. Observational data

found that teachers implement PBD throughout PdPr but its implementation is less integrated. Therefore, GKMP has conducted teacher capacity building programs that help teachers integrate PBD into PdPr by using technology. GKMP should have exposure in technology to help teachers use technology in teaching and learning. It is suggested that further research be conducted to see how teachers who are exposed to this technology implement PBD in cyberspace.

Keywords: Middle leaders, Classroom assessment, technology

Pengenalan

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam norma baharu ini merupakan satu cabaran kepada guru-guru. Memandangkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dilakukan secara atas talian maka pelaksanaan PBD juga memerlukan keselarian dalam pelaksanaannya. Pengenalan kepada pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPr) merupakan satu usaha murni yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan murid-murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran walaupun mereka berada di rumah. Ini merupakan satu cabaran utama kepada guru-guru untuk melaksanakan PdP dan memastikan pembelajaran murid terus berlaku. Keadaan ini merumitkan lagi keadaan untuk guru-guru melaksanakan PBD yang perlu dijalankan serentak bersama dengan PdPr. Apabila guru-guru tidak dapat melaksanakan PdP secara bersemuka ini akan memberi implikasi yang mendalam terutamanya untuk aspek pembelajaran murid (Chandasiri, 2020). Penggunaan pelbagai kaedah pentaksiran akan dapat memberi ruang dan peluang kepada murid untuk meningkatkan penguasaan pembelajaran terhadap sesuatu kandungan (Arumugham, 2020). Dalam keadaan norma baharu, PBD tetap perlu dilaksanakan bersama PdPr untuk memastikan perkembangan pembelajaran murid dapat diukur dan tindakan susulan untuk penambahbaikan dapat diambil. Sekiranya guru-guru hanya memberi tumpuan terhadap pelaksanaan PdPr maka guru-guru tidak dapat mengukur pembelajaran murid secara berterusan dan ini akan memberi implikasi yang tidak baik terhadap pelaksanaan PBD.

Penyataan Masalah

Bermula 18 Mac 2020 rentetan daripada pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) senario persekolahan pelajar-pelajar di Malaysia telah berubah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil keputusan untuk mengubah strategi pembelajaran dengan memperkenalkan konsep Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPr). KPM juga telah mencadangkan beberapa kaedah yang telah

dikenal pasti yang bersesuaian yang boleh digunakan oleh guru seperti pendekatan modular, PdPr atas talian dan PdPr secara *offline*. Mekanisme pelaksanaan ini adalah lebih berpandukan kepada guru agar pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran. Dalam apa jua keadaan guru perlu memastikan pengajaran dan pembelajaran tetap dijalankan agar pelajar-pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Walau bagaimanapun, sesuatu perkara baharu yang diperkenalkan dalam mekanisme pelaksanaan sistem pendidikan memerlukan pemantauan. Ini kerana, sekiranya pemantauan tidak dijalankan senario sebenar yang sedang berlaku tidak dapat didalami serta tindakan susulan untuk penambahbaikan tidak dapat dijalankan. Pemantauan proses pengajaran guru dapat membantu pemimpin sekolah untuk mendapatkan maklumat serta melakukan tindakan penambahbaikan yang berterusan (Brandon, Hollweck, Donlevy & Whalen, 2018). Apabila pemimpin melaksanakan pemantauan pemimpin dapat menggunakan maklumat tersebut untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang perlu diatasi. Namun, dalam keadaan pembelajaran secara maya proses pemantauan, penyeliaan dan penambahbaikan perlu dilakukan dengan lebih sistematik untuk memastikan pemimpin sekolah mendapat gambaran menyeluruh cara PdP dijalankan secara atas talian (Rusdiana, Huda, Muin & Kadir, 2020). Perkara ini memerlukan penerokaan yang lebih mendalam memandangkan guru bukan sahaja terlibat dengan pengajaran malah semasa menjalankan PdPr mereka juga perlu melaksanakan PBD.

Pelaksanaan PBD haruslah dijalankan secara serentak bersama dengan PdP memandangkan maklumat tentang perkembangan pembelajaran murid hanya dapat dikumpulkan melalui ketika guru sedang melaksanakan PdP (Shepard, 2019). Ini menunjukkan PBD tidak dapat diasingkan daripada PdP dan ini telah membuka ruang kepada para penyelidik untuk meneroka perkara ini dengan lebih mendalam. Pemimpin pertengahan merupakan individu yang membantu pemimpin atasan untuk melaksanakan tugas-tugas pemantauan, penyeliaan dan menggunakan maklumat tersebut untuk mengupayakan guru-guru di bawah penyeliaannya untuk melaksanakan PdP yang lebih baik dan berkualiti. Perkara ini banyak telah dibincangkan dalam amalan kepimpinan distributif yang banyak memberikan

tanggung jawab kepada pemimpin pertengahan untuk melaksanakan tugas ini. Tambahan pula, pemimpin pertengahan juga dianggap sebagai individu yang mempunyai tanggung jawab sepenuhnya dalam aspek pembangunan instruksional (Harris, Jones, Ismail & Nguyen, 2019). Pemantauan dan penyeliaan terhadap guru-guru bukan sahaja perlu dilihat dari aspek strategi pengajaran malah perlu juga dilihat cara guru-guru melaksanakan pentaksiran terutamanya dalam era PdPr yang dijalankan secara atas talian. Proses ini bukan sahaja membantu pemimpin pertengahan untuk mendapatkan data tentang cara guru-guru melaksanakan PBD dalam era PdPr tetapi membantu pemimpin pertengahan untuk merancang dan melaksanakan program-program pembangunan kompetensi guru yang lebih berkesan.

Tinjauan Literatur

Memandangkan kajian ini melihat kepada pemimpin pertengahan dalam mengupayakan guru untuk melaksanakan PBD berasaskan teknologi maka tinjauan literatur akan dikupas berdasarkan tiga perkara iaitu peranan pemimpin pertengahan, kompetensi guru dalam melaksanakan PBD dan penggunaan teknologi dalam PBD.

Peranan Pemimpin Pertengahan

Pemimpin pertengahan merupakan seorang individu yang bertanggung jawab terhadap kedua-dua pihak iaitu pemimpin atasan dan guru. Perkara ini menjadi lebih penting apabila pemimpin pertengahan didapati mempunyai peranan sebagai pemimpin instruksional (Basset, 2016). Ini bermakna, pemimpin pertengahan haruslah memastikan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan berdasarkan matlamat kurikulum yang telah ditetapkan. Pemimpin pertengahan juga haruslah terus melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan kompetensi guru untuk memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkesan. Sebagai seorang pemimpin instruksional, pemimpin pertengahan haruslah melaksanakan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya membimbing guru-guru untuk menambah baik kualiti PdP (Shepard, 2019). Berdasarkan dapatan-dapatan yang dilaporkan ini, jelaslah pemimpin pertengahan mempunyai tugas untuk memastikan guru-guru melaksanakan PdP yang berkualiti.

Pentaksiran Bilik Darjah

Bermula dari tahun 2011 PBD mula diperkenalkan melalui KSSR. Sejak itu, banyak kajian yang telah dijalankan tentang pelaksanaan PBD. Kajian Arumugham (2020) mendapati guru-guru melaksanakan

PBD berpandukan garis panduan yang telah diberikan namun mereka tidak menampilkan kreativiti terhadap kepelbagaian kaedah pentaksiran. Ini kerana, guru didapati kurang mahir dalam mengendalikan PBD seperti yang dihasratkan. Koh (2011) mencadangkan program pengupayaan guru dalam PBD perlu dilaksanakan secara berterusan untuk membangunkan kompetensi guru dalam menjalankan tugas ini. Memandangkan PBD merupakan sebahagian daripada pelaksanaan kurikulum maka pemimpin pertengahan memainkan peranan penting dalam mengupayakan guru untuk melaksanakan PBD (Yamtim & Wongwanich, 2014). Perkara ini memerlukan perhatian yang mendalam dalam kalangan pemimpin pertengahan memandangkan dalam era PdPr guru memerlukan bimbingan yang berterusan.

Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Selain itu, guru-guru juga didapati kurang memberi penekanan terhadap pembangunan kompetensi untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran (Tondeur, Van Braak, Siddiq, Scherer, 2016). Ini menunjukkan amalan penggunaan teknologi dalam pengajaran dalam kalangan guru masih berada pada tahap sederhana. Ini merupakan satu perkara yang perlu dilihat secara mendalam dalam era PdPr memandangkan PdPr memerlukan penggunaan teknologi secara sepenuhnya. Memandangkan PBD merupakan sebahagian daripada proses pengajaran maka guru haruslah mempunyai kebolehan untuk melaksanakan PBD dengan menggunakan teknologi. Ini menunjukkan pemimpin pertengahan yang memainkan peranan sebagai pengupaya dalam bidang instruksional haruslah membangunkan kompetensi guru-guru untuk melaksanakan PBD secara berasaskan teknologi untuk memastikan PBD dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam era pandemik ini.

Berdasarkan tinjauan-tinjauan literatur ini, didapati pembangunan kompetensi guru dalam pelaksanaan PBD melalui teknologi merupakan satu bidang baharu yang memerlukan penerokaan yang mendalam. Tambahan konsep PdPr yang baharu diperkenalkan dalam era pandemik ini merupakan satu pembaharuan dalam dunia pendidikan yang memerlukan penggunaan teknologi yang mahir terutamanya dalam memantapkan pelaksanaan PBD. Kajian-kajian lepas menampilkan setiap perkara ini telah dikaji secara berasingan dan bukannya dilihat dalam satu perspektif. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat ketiga-tiga perkara ini dalam satu skop dapat dilihat.

Metodologi

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Ini adalah kerana matlamat utama kajian ini adalah untuk meneroka dan memahami cara pemimpin pertengahan melaksanakan pemantauan pelaksanaan PBD secara atas talian dan seterusnya memastikan pelaksanaan PBD dalam norma baharu ini memenuhi keperluan dan hasrat yang telah dinyatakan. Pendekatan kualitatif akan membantu penyelidik untuk mendapatkan gambaran secara mendalam tentang perkara yang sedang dikaji serta membantu untuk memahami senario tentang perkara yang dikaji (Braun, Clarke & Hayfield, 2019). Penyelidik juga telah memilih untuk menggunakan pendekatan kajian kes kerana setiap pemimpin pertengahan mempunyai cara mereka tersendiri untuk melaksanakan pemantauan. Kajian kes merupakan satu pendekatan dalam penyelidikan kualitatif yang sering kali digunakan apabila penyelidik ingin meneroka dan memahami sesuatu amalan dari pelbagai perspektif peserta (Braun, Clarke & Hayfield, 2019).

Untuk tujuan pengumpulan data, penyelidik telah menjalankan temu bual separa struktur bersama lapan orang Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP). Lapan orang GKMP ini dikenali pasti memandangkan kedudukan mereka adalah berhampiran dengan para penyelidik. Tambahan pula mereka juga merupakan GKMP yang telah berkhidmat melebihi lima tahun. Sesi temu bual telah dijalankan secara bersemuka. Memandangkan kajian ini dijalankan dalam era pandemik para penyelidik menghadapi kesukaran untuk berjumpa secara bersemuka melebihi satu kali. Untuk mendapatkan maklumat tambahan penyelidik telah menghubungi peserta melalui telefon dan menggunakan aplikasi whatsapp untuk mendapatkan maklumat tambahan. Selain temubual separa struktur penyelidik juga telah menganalisis dokumen-dokumen seperti instrumen pencerapan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) yang menjurus kepada Standard 4 iaitu Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPc). Data yang dikumpulkan telah dianalisis secara tematik. Tema telah dikenalpasti berdasarkan kekerapan pengulangan data dan data itu juga telah dirujuk bersama sorotan-sorotan karya lepas yang pernah membincangkan dan melaporkan tentang perkara ini. Proses ini akan membantu penyelidik untuk melaporkan data dapatan dengan lebih sistematik (Creswell & Poth, 2016).

Dapatan Dan Perbincangan

Diantara proses pengupayaan yang telah dilakukan oleh GKMP untuk memantapkan guru-guru melaksanakan PBD ialah melaksanakan pemantauan

berkala dan mengadakan program pembangunan kapasiti guru.

Pemantauan Berkala

Untuk memastikan guru-guru melaksanakan PBD GKMP telah melaksanakan pemantauan berkala. Pemantauan ini dijalankan dengan menggunakan beberapa kaedah seperti penyeliaan dan semakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

Penyeliaan Secara Atas Talian

Sepanjang PdPr GKMP telah melaksanakan penyeliaan secara atas talian. Daripada lapan orang guru kanan lima orang telah menjalankan penyeliaan secara atas talian manakala tiga orang lagi secara *offline*. Lima orang GKMP dapat menjalankan penyeliaan secara atas talian kerana guru-guru di sekolah tersebut menggunakan google meet untuk menjalankan PdPr. Ini membolehkan GKMP turut bersama semasa sesi PdPr dijalankan. Sebagai persediaan awal GKMP akan memaklumkan kepada guru-guru yang akan dilakukan pencerapan dan mendapatkan pautan google meet. Makluman awal ini adalah bertujuan untuk memastikan guru-guru dapat membuat persediaan yang lebih awal.

“Saya akan membuat penyeliaan untuk memastikan cikgu-cikgu dapat melaksanakan PdPr. Semasa mereka melaksanakan PdPr saya juga tengok cara cikgu-cikgu melaksanakan PBD. Kedua-dua aspek ini boleh dilakukan secara serentak.”

“Melalui penyeliaan saya dapat lihat cara guru integrasikan PdP dengan PBD. Selalunya untuk PBD saya tengok kepada teknik dan instrumen pentaksiran yang digunakan oleh guru.”

Penyelidik juga telah melihat kepada data-data yang dianalisis melalui dokumen. Dokumen yang digunakan oleh guru-guru untuk melakukan penyeliaan adalah instrumen SKPMg2 Standard 4. Dalam standard 4 terdapat satu aspek yang khusus untuk aspek pentaksiran iaitu guru sebagai penilai. Daripada aspek ini GKMP telah melihat kepada cara guru-guru melaksanakan PBD serta bahan-bahan pentaksiran yang digunakan. Bahan-bahan tersebut juga haruslah bersesuaian dengan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang telah ditetapkan dalam DSKP.

Namun apabila dilihat kepada proses kerja yang dilakukan oleh GKMP semasa era pandemik ini didapati kaedah penyeliaan mereka masih bersifat umum dan tidak menjurus kepada aspek penambahbaikan. Ini kerana, apabila di soal tentang tindakan lanjut setelah penyeliaan ini dilaksanakan tidak ada GKMP yang

menggunakan maklumat penyeliaan untuk melakukan tindakan penambahbaikan. Penyeliaan akan menjadi kurang berkesan apabila tidak ada maklum balas untuk penambahbaikan dilakukan (Tschannen-Moran & Gareis, 2019). Dapatan ini menunjukkan GKMP hanya menjalankan penyeliaan sekadar untuk memenuhi syarat penyeliaan yang telah ditetapkan oleh jemaah nazir. GKMP haruslah melaksanakan penyeliaan yang lebih berfokus. Dalam konteks kajian ini, penyeliaan yang bersifat umum ini tidak dapat membantu GKMP untuk mengenal pasti kekurangan yang ada pada guru terutamanya dalam melaksanakan PBD secara atas talian. Secara keseluruhan dapatlah dikatakan penyeliaan yang dilaksanakan oleh GKMP yang terlibat dalam kajian ini adalah tidak menjurus khusus kepada pelaksanaan PBD namun penyeliaan yang menyeluruh. Memandangkan PBD merupakan satu dasar yang terus memerlukan pemantauan serta pengukuhan dalam pelaksanaannya maka ada keperluan untuk GKMP memikirkan mekanisme yang terbaik untuk memantau dan menyelia pelaksanaan PBD terutamanya secara atas talian.

e RPH

Dalam melaksanakan pemantauan GKMP juga telah menggunakan e RPH sebagai rujukan untuk melaksanakan pemantauan dan penyeliaan. Melalui eRPH GKMP telah mendapat maklumat dan gambaran tentang cara guru-guru merancang untuk melaksanakan PBD. Ini kerana dalam eRPH elemen pelaksanaan PBD perlu dimasukkan. GKMP akan mendapat maklumat yang lebih awal tentang perancangan guru tentang cara yang akan digunakan untuk melaksanakan PBD.

“Saya merasakan penggunaan eRPH sangat mudah dan membantu saya untuk melaksanakan pemantauan. Apabila guru menghantar eRPH saya dapat kenalpasti strategi pentaksiran yang akan digunakan oleh guru untuk melaksanakan PBD.”

“eRPH mula luas digunakan semasa era pandemik ini. Memandangkan GKMP perlu menyemak RPH guru dan salah satu strategi yang didapati berkesan untuk melakukan pemantauan ialah dengan menggunakan eRPH. Melalui eRPH maklumat tentang PBD juga dapat diperolehi.”

Penyelidik juga telah menyemak beberapa eRPH yang telah digunakan oleh GKMP untuk melakukan pemantauan. Melalui eRPH yang disediakan oleh guru tiga perkara yang memberi maklumat tentang pelaksanaan PBD ialah standard kandungan, standard pembelajaran dan standard pentaksiran. Melalui ketiga-

tiga maklumat ini GKMP akan dapat mengenal pasti tajuk serta strategi pentaksiran yang akan digunakan oleh guru. Tambahan pula dalam eRPH guru-guru juga telah menjelaskan langkah-langkah mereka menjalankan PBD serta melampirkan instrumen PBD yang akan digunakan. Ini menunjukkan penyeliaan tidak semestinya dilakukan secara bersemuka namun secara aplikasi digital GKMP mempunyai ruang dan peluang untuk mereka melaksanakan penyeliaan untuk melihat cara guru-guru melaksanakan PBD secara atas talian.

Pembangunan Kapasiti Guru

Di antara program pembangunan kapasiti guru yang telah dilaksanakan adalah penggunaan aplikasi digital dalam PdPr dan penyediaan modul latihan. Kedua-dua program pembangunan kapasiti guru ini dijalankan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sepanjang pelaksanaan PdPr. Memandangkan kajian ini hanya melihat dari perspektif PBD maka data-data yang berkaitan yang berkaitan sahaja akan dilaporkan.

Penggunaan Aplikasi Digital

Sejak bermulanya PdPr, guru-guru sekolah telah mengorak langkah untuk menggunakan pelbagai strategi pengajaran dengan menggunakan aplikasi digital. Memandangkan ini merupakan satu perkara baharu kepada mereka, GKMP telah mula mengambil berat tentang keperluan ini.

“Pada peringkat awal, saya telah membuat satu survey ringkas tentang cara guru-guru mengendalikan PdPr. Melalui survey ringkas itu, saya dapat maklumat tentang kaedah-kaedah dan aplikasi digital yang digunakan untuk PdPr.”

“Ramai dalam kalangan guru yang menghadapi masalah untuk menggunakan aplikasi digital. Ada dalam kalangan mereka tidak tahu untuk mengoperasikannya. Jadi kami pun buatlah LADAP untuk bantu cikgu-cikgu ni.”

Apabila dilihat pada kertas kerja serta laporan program pembangunan staff yang telah dijalankan sepanjang tempoh PdPr ini kebanyakan program yang dijalankan adalah untuk membantu guru-guru melaksanakan PdPr dengan lebih berkesan. Namun, apabila menjurus kepada pelaksanaan PBD terdapat juga beberapa aplikasi yang telah diperkenalkan kepada guru-guru untuk membantu guru-guru untuk melaksanakan PBD semasa PdPr iaitu penggunaan Kahoot, Quizz dan Live Worksheet. Program-program yang dirancang ini adalah untuk membantu guru-guru menggunakan aplikasi-aplikasi ini untuk mendapatkan data berkaitan

dengan maklumat perkembangan pembelajaran seseorang pelajar. PBD merupakan satu kaedah yang membantu guru-guru untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang pembelajaran murid yang akan digunakan untuk mengambil tindakan susulan (Arumugham, 2020). Oleh itu, didapati penggunaan aplikasi-aplikasi digital semasa PdPr dijalankan membantu guru-guru untuk mendapatkan data tentang perkembangan pembelajaran secara berterusan.

“Rekod dan evidens guru melaksanakan PBD menjadi lebih sistematik kerana maklumat semua berada dalam bentuk digital.”

“Saya rasa mudah dan sangat membantu guru untuk melaksanakan PBD dengan berkesan kerana guru boleh lakukan semasa PdPr dijalankan dan tak perlu tunggu selesai PdPr.”

Perkara ini menunjukkan program pembangunan kapasiti guru yang dijalankan membantu guru-guru melaksanakan PBD dengan lebih berkesan sepanjang pelaksanaan PdPr. Penggunaan aplikasi digital juga membantu guru-guru untuk menyimpan data dan evidens pelaksanaan PBD dengan lebih berkesan dan bersistematik. Ini menunjukkan, aplikasi digital membantu guru untuk menguruskan pelaksanaan PBD dengan lebih mantap dan mengurangkan isu penyimpanan evidens secara hardcopy.

Penyediaan Modul Atas Talian

Selain pemantapan penggunaan aplikasi digital untuk melaksanakan PBD semasa PdPr didapati ada dalam kalangan GKMP yang telah membangunkan guru-guru untuk menyediakan modul latihan yang mengukuhkan pelaksanaan PBD.

“Saya minta cikgu-cikgu dalam bidang saya untuk semak DSKP dan bina bahan yang membantu dalam pelaksanaan PBD semasa PdPr dan modul itu diberikan dalam bentuk softcopy seperti dalam bentuk google form, google doc dan google slides. Modul yang disediakan dalam bentuk seperti ini memudahkan pelajar untuk melaksanakan aktiviti dan membantu guru untuk mengumpulkan maklumat tentang pembelajaran pelajar-pelajar.”

GKMP didapati telah mengupayakan guru-guru untuk membina modul instrumen untuk melaksanakan PBD secara atas talian. Ini dapat digambarkan melalui kaedah yang disarankan oleh GKMP ini iaitu dengan menggunakan aplikasi-aplikasi yang disediakan melalui google. Tambahan pula penggunaan pelantar Digital

Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA). Penggunaan DELIMA telah meningkatkan keupayaan guru-guru melaksanakan PBD dengan lebih mudah dan bersistematik. Tindakan GKMP seperti ini didapati telah mengupayakan guru-guru masih dapat melaksanakan PBD sepanjang PdPr.

“Kalau nak bagi modul dalam bentuk bercetak agak sukar juga untuk guru-guru melaksanakan PBD. Ini mungkin disebabkan maklumat yang diperolehi itu kurang relevan untuk menentukan tahap penguasaan murid. Jadi, kami cadangkan guru-guru membina modul yang berbentuk interaktif, iaitu pelajar dapat ditaksir semasa PdPr dijalankan. Jadi kami dedahkan cara guru-guru membina dan memasukan modul tersebut dalam bentuk google drive. Ini membantu guru dan murid untuk akses bahan dengan mudah.”

Pembinaan modul diatas talian didapati membantu guru-guru melaksanakan PBD dengan lebih berkesan. Peranan yang telah dimainkan oleh GKMP telah membantu guru-guru untuk meningkatkan kemahiran pelaksanaan PBD dengan menggunakan modul atas talian telah meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dalam pelaksanaan PBD memandangkan guru dapat melihat penglibatan murid semasa mereka melaksanakan aktiviti pentaksiran.

Cadangan Kajian Lanjut

Memandangkan proses pelaksanaan PBD ini dijalankan oleh guru dicadangkan agar kajian lanjut dijalankan untuk melihat cara guru-guru yang telah mendapat pendedahan tentang aplikasi-aplikasi digital ini melaksanakan PBD secara atas talian. Kedua-dua dapatan ini akan mengukuhkan lagi keberkesanan penggunaan aplikasi digital untuk pelaksanaan PBD secara atas talian. Secara tidak langsung penyelidikan ini juga menampilkan imej GKMP sebagai seorang pemimpin instruksional yang sentiasa berusaha untuk membangunkan guru-guru dibawah penyeliaan mereka. Seandainya program pembangunan kompetensi guru yang berterusan akan membantu untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, PdPr telah membuka ruang dan peluang baharu dalam amalan pedagogi baharu. Dua pendekatan pengupayaan telah dilakukan oleh GKMP yang terlibat dengan kajian ini iaitu pemantauan berkala dan pembangunan kapasiti guru. Dalam aspek pemantauan GKMP telah mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam menjalankan pemantauan sepanjang PdPr. Pemantauan dengan menggunakan teknologi dapat

memberi gambaran tentang cara seseorang guru melaksanakan PdPr atas talian serta mengenal pasti keperluan guru untuk melancarkan PdPr dan seterusnya memantapkan pelaksanaan PBD. Berdasarkan input-input yang diperoleh melalui pemantauan semasa PdPr GKMP mendapati guru-guru masih memerlukan ruang penambahbaikan untuk mempelajari aplikasi-aplikasi digital untuk membantu mereka melaksanakan PBD dengan lebih berkesan. Berdasarkan keperluan ini, GKMP telah melaksanakan program-program pembangunan kapasiti guru untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran penggunaan digital dalam PBD. Pembangunan guru merupakan satu kemestian kepada pemimpin sekolah memandangkan program pembangunan yang berterusan dapat membantu meningkatkan kualiti guru dari semasa ke semasa (Rathburn, Leatherman & Jensen, 2017). Dapatan kajian ini menjelaskan pemimpin pertengahan di sekolah haruslah menampilkan keupayaan untuk mengoptimalkan penggunaan teknologi. GKMP yang terlibat dalam kajian ini didapati mampu menggunakan teknologi untuk melaksanakan pemantauan serta mengupayakan guru-guru dibawah penyeliaan mereka untuk melaksanakan PBD secara atas talian dengan lebih berkesan. Dalam era PdPr ini, peranan yang dimainkan oleh GKMP adalah amat penting kerana mereka merupakan pemimpin sekolah yang bertanggung jawab sepenuhnya dalam pelaksanaan kurikulum. Inisiatif yang diambil oleh mereka dapat membantu guru-guru untuk terus meningkatkan kualiti pelaksanaan PBD secara atas talian.

Rujukan

- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152-161.
- Bassett, M. (2016). The Role of Middle Leaders in New Zealand Secondary Schools: Expectations and Challenges. *Waikato Journal of Education*, 21(1), 97-108.
- Brandon, J., Hollweck, T., Donlevy, J. K., & Whalen, C. (2018). Teacher supervision and evaluation challenges: Canadian perspectives on overall instructional leadership. *Teachers and teaching*, 24(3), 263-280.
- Braun, V., Clarke, V., & Hayfield, N. (2019). 'A starting point for your journey, not a map': Nikki Hayfield in conversation with Virginia Braun and Victoria Clarke about thematic analysis. *Qualitative Research in Psychology*, 1-22.
- Chandasiri, O. (2020). The COVID-19: impact on education. *Journal of Asian and African Social Science and Humanities*, 6(2), 38-42.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage publications.
- Harris, A., Jones, M., Ismail, N., & Nguyen, D. (2019). Middle leaders and middle leadership in schools: exploring the knowledge base (2003–2017). *School Leadership & Management*, 39(3-4), 255-277.
- Koh, K. H. (2011). Improving teachers' assessment literacy through professional development. *Teaching Education*, 22(3), 255-276.
- Rathburn, G. A., Leatherman, J., & Jensen, R. (2017). Evaluating the impact of an academic teacher development program: practical realities of an evidence-based study. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 42(4), 548-563.
- Rusdiana, A., Huda, N., Mu'in, A., & Kodir, A. (2020). The effectiveness of educational supervision in increasing the teacher's professional competence in the COVID-19 pandemic period. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 14(5), 918-942.
- Shepard, L. A. (2019). Classroom assessment to support teaching and learning. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 683(1), 183-200.
- Tondeur, J., van Braak, J., Siddiq, F., & Scherer, R. (2016). Time for a new approach to prepare future teachers for educational technology use: Its meaning and measurement. *Computers & Education*, 94, 134-150.
- Tschannen-Moran, M., & Gareis, C. R. (2019). Discretion and trust in professional supervisory practices. *The Wiley handbook of educational supervision*, 209-228.
- Yamtim, V., & Wongwanich, S. (2014). A study of classroom assessment literacy of primary school teachers. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 116, 2998-3004.